PENEMUAN TINJAUAN PENDAPAT

# BERSEMPENA SAMBUTAN HARI IBU PERINGKAT KEBANGSAAN 2021

*"Ibu Pelindung, Ibu Dilindungi"*

Terbitan: Mei 2021

**Bersempena dengan sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2021, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan satu tinjauan pendapat umum melalui kaedah tinjauan dalam talian bagi mendapatkan informasi terkini berkaitan golongan ibu dan institusi kekeluargaan dalam negara, khususnya dalam menjalani kehidupan norma baharu pandemik Covid-19. Tinjauan ini melibatkan sejumlah 1,161 orang responden yang merupakan para ibu warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai anak berumur 3 hingga 24 tahun sahaja pada 5 sehingga 11 Mei 2021.**



## PERANAN IBU DALAM KELUARGA (SIHAT DAN SEJAHTERA)

| Peranan | Sebelum pandemik: Bapa | Sebelum pandemik: Ibu | Sebelum pandemik: Bersama | Semasa pandemik: Bersama | Semasa pandemik: Ibu | Semasa pandemik: Bapa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Melakukan tugasan rumah termasuk mengemas,memasak dan mencuci pakaian. | 1.0% | 46.4% | 52.5% | 55.3% | 42.8% | 1.9% |
| Menjana dan menguruskan kewangan keluarga. | 18.3% | 16.9% | 64.9% | 65.5% | 18.7% | 15.8% |
| Memastikan keperluan harian mencukupi. | 11.2% | 29.1% | 59.7% | 64.3% | 25.3% | 10.4% |
| Memastikan pendidikan anak-anak terjaga. | 1.3% | 29.1% | 69.6% | 71.4% | 27.0% | 1.6% |
| Memastikan ahli keluarga sentiasa berada dalam keadaan yang sihat, baik, dan selamat | 2.6% | 20.3% | 77.1% | 78.3% | 19.8% | 1.9% |

**Sebelum pandemik** | **Semasa pandemik**

Bapa | Ibu | Bersama

**DUA kaedah utama perkongsian maklumat oleh para ibu berkaitan Covid-19 kepada ahli keluarga:**

**36.4%** berbual akan bahaya jangkitan dan pentingnya untuk sentiasa berada dalam keadaan sihat.

**24.7%** berkongsi maklumat melalui media social (termasuk *Whatsapp, Facebook* dan *Telegram*).

**71.7%** para ibu mempunyai gaya keibuan yang membenarkan anak-anak melakukan kesilapan, namun kesilapan tersebut harus dipelajari dan tidak diulang (*Authoritative Dolphin*). **Hanya 3.2%** para ibu yang membenarkan anak-anak untuk bebas berdikari melakukan apa sahaja dikehendaki oleh mereka (*Negligent Panda*).



## KESEJAHTERAAN IBU DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

**63.1%**
menyatakan tahap kesejahteraan sebagai seorang ibu semakin baik meskipun selepas Covid-19 melanda.

**53.8%**
menyatakan kesihatan dan keselamatan ahli keluarga adalah perkara paling membimbangkan para ibu.

**Perkara yang ingin dilakukan pada Hari Ibu:**

**33.3%** menyatakan mencukupi dengan sekadar ucapan atau kata-kata semangat bagi mengingati pengorbanan ibu.

**16.5%** ingin pulang ke rumah keluarga sendiri dan menghabiskan masa bersama ahli keluarga lain.

**10.1%** ingin melancong dalam negara.

## CABARAN DAN PERSEDIAAN IBU BERKAITAN TEKNOLOGI DIGITAL

**TIGA perkara utama yang membimbangkan para ibu berkaitan penggunaan peranti digital/gajet:**

**24.0%**
ketagihan penggunaan.

**19.2%**
terdedah dengan pengaruh negatif media sosial/ laman web tidak terkawal.

**16.8%**
leka terhadap pembelajaran.

**TIGA cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kepada para ibu:**

**20.4%** perlu meningkatkan akses internet.

**20.4%** perlu hadir ke pejabat dan tidak dapat memantau pembelajaran anak-anak

**16.2%** perlu membuat pembelian tambahan peranti/gajet dan perisian komputer untuk anak-anak.

**75.3%**
ibu membenarkan anak-anak mempunyai peranti/gajet.

**49.2%**
penggunaan peranti/gajet oleh anak-anak adalah sebagai medium pembelajaran.

**Kaedah para ibu memantau anak-anak dalam penggunaan peranti digital:**

**41.9%**
menghadkan masa penggunaan.

**35.1%** menghadkan kegunaan tidak melebihi 4 jam dalam sehari.

**26.7%**
memeriksa perisian peranti anak-anak.

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

**Untuk keterangan lanjut:**
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat